

Kata Pemeri

Terbahagi kepada dua iaitu ialah dan adalah.

ialah

>Digunakan untuk menjelaskan subjek dengan frasa nama
>Contoh ayat: Dani ialah anggota Skuad Prihatin.

adalah

>Digunakan untuk menerangkan subjek dengan frasa adjektif dan frasa sendi nama
>Contoh ayat: Hadiah ini adalah untuk ibu Hazim.

NAMA:

KELAS:

Isi tempat kosong dengan kata pemeri iaitu **ialah** atau **adalah** dalam ayat-ayat di bawah.

Frasa yang berwarna kuning terdiri daripada frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi. Sila kenal pasti kata pemeri yang betul berdasarkan frasa tersebut.

- Haziq ketua murid di sekolahnya.
- Tujuan kempen membaca diadakan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan murid.
- Murid yang cemerlang itu daripada kelas 5 Cerdas.
- "Nama kucing yang comel ini Si Gebus," kata Aliya.
- Kata-kata Taufiq tentang kawan baiknya benar.
- Makanan yang dijual di restoran itu mahal sekali.
- Pemilik kereta mewah itu Puan Aminah, iaitu ibu kepada Amna.
- Tujuan lawatan sambal belajar untuk menambah pengalaman murid.
- Warga emas dan kanak-kanak golongan yang mudah dijangkiti wabak Covid-19.
- Aspek kebersihan sangat penting yang perlu diamalkan oleh setiap orang.